

Ibu, ayah suntik semangat graduan cemerlang

[FOTO MUHAMMAD SULAIMAN / BH]



Shah Alam: Kasih ibu bawa ke syurga. Kasih ayah berkorbani nyawa. Itulah ungkapan menggambarkan keadaan Muhammad Afiq Ikram Rusni, yang terpaksa bergantung sepenuhnya kepada ibu bapanya untuk meneruskan pelajaran.

Namun, graduan Diploma Pengajian Perniagaan berusia 22 tahun yang menghidap penyakit Spindl Muscular Atrophy (SMA) sejak dilahirkan itu memiliki semangat kental dan tidak mudah mengalah.

"Sepanjang belajar di sini, ibu ayah mengambil dan mengantar saya ke kualih memandangkan saya tinggal di Klang bersama keluarga.

"Ibu, ayah, kawan-kawan dan pensyarah sangat membantu saya sepanjang belajar di sini. Bagaimana, kekurangan ini bukan lemah untuk saya berjaya.

"Alhamdulillah, saya mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif

(PNKG) 3.46. Saya sedang membuat permohonan kerja selain mencari peluang berniaga secara atas talan," katanya.

Bapanya, Rusni Sabtu, 50, berjaya, pada awalnya mendapat tawaran kerja, tetapi selepas mengetahui keadaan fizikalnya, majikan terbabit membatalkan hasrat untuk mengambil beliau bekerja.

Antara 994 graduan

Muhammad Afiq adalah antara 994 graduan ijazah, diploma, diploma lanjutan dan sijil berjaya menamatkan pengajian pada Majlis Konvokesyen Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) Ke-19 semalam.

Sementara Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum Politeknik dirangkul oleh Siti

Suhana Hassan, 25, Graduan Ijazah Sarjana Muda Teknologi dan Pengurusan Fasiliti di bawah Jabatan Kejuruteraan

raan Awam itu kini bekerja di sebuah syarikat kejuruteraan awam di Sabah.

Pengarah PSA, Tajuddin Abdul Rashid, berkata sejak penubuhan PSA pada 1997 sehingga 2016,

seramai 35,450 graduan dihasil-

1 JULAI 2017

"Konvokesyen kali ini membabitkan dua program ijazah, satu diploma lanjutan, 12 program diploma dan satu program peringkat sijil.

"PSA turut menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum Jabatan, Anugerah Pengaruh Politeknik dan Anugerah Projek Terbaik," katanya.